

UPM di barisan hadapan dididik masyarakat



UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan menubuhkan satu pusat untuk keselamatan makanan sebagai salah satu usaha untuk memperkasakan semula bidang pertanian terutama yang berkaitan urban agrikultur.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, pusat tersebut akan menyelaraskan segala bidang berkaitan pertanian bandar, keselamatan makanan dan memperkasakan kepentingan pertanian.

"Pada masa akan datang perubahan demografi terhadap penduduk di Malaysia akan berlaku iaitu lebih 72 peratus akan tinggal di kawasan bandar dan sekitar bandar.

"Perkara ini akan menyebabkan sumber makanan menjadi kritikal bukan saja daripada segi makanan tetapi, turut melibatkan keselamatan.

"Jadi, pihak universiti akan menjadi barisan hadapan dalam mendidik masyarakat berhubung pertanian bandar bagi menjamin kelestarian bekalan makanan negara," katanya.



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH menyampaikan Anugerah Khas Akademia Putra kepada Dr. Radin Omar pada majlis Gemilang Akademia Putra di Univesiti Putra Malaysia di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Gemilang Akademia Putra 2010 di Dewan Besar UPM di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Majlis itu merupakan majlis penganugerahan yang menggabungkan tiga anugerah iaitu Anugerah Fellowship

Naib Canselor, Anugerah Perunding Cemerlang dan Anugerah Khas Akademia Putra bagi menghargai hasil kerja pegawai akademik dan kakitangan UPM.

Pada majlis itu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang

juga Canselor UPM menyampaikan anugerah tersebut kepada 15 orang pegawai akademik dan kakitangan UPM yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang masing-masing.

Turut menerima anugerah pada majlis itu ialah dua bekas Naib Canselor UPM iaitu Prof. Tan Sri Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Prof. Datuk Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadhi.

Mohd. Fauzi berkata, usaha tersebut akan disokong dengan penuh-bahan yang dianggotai kumpulan pakar turun padang bagi memastikan isu-isu berkaitan dapat ditangani secara holistik.

"Selain itu, UPM akan menjadikan kawasan Serdang sebagai 'lembah makanan' yang akan menggabungkan kepakaran dan idea seluruh agensi pertanian yang terdapat di kawasan ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau memberitahu bahawa UPM telah melepasi audit universiti penyelidikan kali ketiga yang dijalankan pada 24 hingga 25 April lalu untuk mengesahkan universiti itu sebagai universiti penyelidikan hingga tahun 2016.

"Audit itu bertujuan menyemak dan mengaudit UPM untuk terus berada dalam landasan yang betul dan dikirif sebagai salah sebuah universiti penyelidikan tersohor di rantau ini," katanya.